



## SIARAN AKHBAR

### EKSPO PRODUK TEMPATAN 2023 SEMPENA PESTA DISEMBER BRUNEI KE-7

**Bandar Seri Begawan, Selasa, 7 November 2023** – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan *Brunei Economic Development Board* melalui *Darussalam Enterprise (DARe)* akan mengadakan Ekspo Produk Tempatan 2023 sempena Pesta Disember Brunei kali ke-7 selama 4 hari, bermula 30 November hingga 3 Disember 2023 bertempat di Bridex Hall, Jerudong.

Ekspo Produk Tempatan ini adalah bertujuan bagi menyediakan platform untuk pengusaha-pengusaha tempatan dalam mempromosikan dan meluaskan lagi pasaran produk secara langsung kepada pembeli; mengetengahkan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk/barangan yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan; memberikan peluang kepada pengusaha untuk menjana pendapatan; dan memberikan peluang untuk *Network* dan *Business Matching*. Sepertimana pada tahun lepas, ekspo tahun ini akan memperlihatkan produk-produk dan perkhidmatan tempatan yang di bawah sebanyak 13 kategori iaitu i) Pertanian dan Agrimakanan; ii) Perniagaan, Perbankan dan Kewangan; iii) Pembinaan dan Hiasan Dalaman; iv) Produk dan Perkhidmatan Hiliran; v) Perkhidmatan Pendidikan; vi) Perikanan dan Pemprosesan Makanan Laut; vii) Makanan dan Minuman; viii) Pelancongan dan Hospitaliti; ix) Telekomunikasi dan Produk Kreatif; x) Pengangkutan dan Logistik; xi) Fesyen dan Pakaian; xii) Produk Perkayuan dan xiii) Lain-lain.

Penyertaan kini telah dibukakan kepada semua pengusaha produk tempatan yang berminat untuk menyertai Ekspo Produk Tempatan yang akan berlangsung bermula pada hujung bulan ini. Borang penyertaan bolehlah diperolehi dengan mengimbas kod QR yang disertakan atau menghubungi Syarikat D'Sunlit Sdn Bhd di talian 719 2389 bagi sebarang pertanyaan berkaitan pendaftaran. Tarikh tutup bagi menghadapkan borang permohonan yang lengkap adalah pada Hari Khamis, 16 November 2023, jam 5.00 petang.



/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam**

**Jabatan Perikanan**

**Tarikh: 7 November 2023**